



JERAYAWARA PEMBERIGAAN LESEN PEKERJA ASING (LPA)

JABATAN BURUH
KEMENTERIAN HAL EHWAL DALAM NEGERI



ISI KANDUNGAN

- PENGENALAN**
- FASA IMPLEMENTASI**
- PERUBAHAN UTAMA**
- PROSES LPA**
- DOKUMEN YANG DIPERLUKAN**
- SYARAT-SYARAT**
- MAKLUMAT LANJUT**



PENGENALAN



PENGENALAN

- Menggabungkan Lesen Pengambilan Pekerja Asing dibawah Bab 112 Perintah Pekerjaan 2009 dan Sokongan Pas Kerja (BUR 500/555) menjadi satu proses sahaja iaitu yang dinamakan Lesen Pekerja Asing (LPA) atau *Foreign Worker License (FWL)*.
- Salah satu inisiatif dan perancangan yang terkandung di dalam Pelan Strategik Jabatan Buruh.



OBJEKTIF

EFISIEN

- Mempertingkatkan kualiti dan kecekapan perkhidmatan kepada orang ramai
- Mendokong hasrat Negara ke arah persekitaran yang *pro business*.

PENGAWALAN

- Memastikan pengambilan dan penggunaan pekerja adalah teratur dan selaras dengan kehendak Undang-Undang Negara dan Perburuhan

PENGUTAMAAN ANAK TEMPATAN

- Ke arah dasar ‘pembruneian’ iaitu pengambilalihan jawatan-jawatan di dalam sektor industri yang dipegang oleh pekerja asing untuk diisikan oleh pekerja tempatan secara berperingkat.

SEIMBANG

- *To strike a ‘right balance’* diantara keperluan mendokong persekitaran *pro business* dan juga keperluan menjaga keselamatan serta kepentingan negara.



FASA IMPLEMENTASI LESEN PEKERJA ASING (LPA)



JABATAN BURUH
KEMENTERIAN HAL EHWAH DALAM NEGERI

FASA IMPLEMENTASI PROSES BARU LESEN PEKERJA ASING (LPA)



RJD/LPA/2016



PERUBAHAN UTAMA LESEN PEKERJA ASING (LPA)



PERUBAHAN UTAMA

PROSES SEDIA ADA

DUA PROSES:
LESEN
PENGAMBILAN
PEKERJA ASING &
BUR 500 / BUR 555

TPOR: 41 HARI
BEKERJA
(DI JABATAN
BURUH SAHAJA)

PEMERIKSAAN:
DILAKUKAN
SEBELUM LESEN
DIKELUARKAN

PROSES

PROSES BARU LPA

SATU PROSES
SAHAJA: LESEN
PEKERJA ASING

TPOR: 9 HARI
BEKERJA
(DI JABATAN
BURUH SAHAJA)

PEMERIKSAAN:
DILAKUKAN
SELEPAS LESEN
DIKELUARKAN*

*KECUALI BAGI SEKTOR PEMBINAAN, PEMERIKSAAN DILAKUKAN SEBELUM DAN SELEPAS LESEN DIKELUARKAN



PROSES LESEN PEKERJA ASING (LPA)



SEBELUM MENGHADAPKAN PERMOHONAN

(Disertakan semasa menghadapkan permohonan)



Mendaftar syarikat dan mengiklankan jawatan di JobCentre

Menyertakan senarai pekerja tempatan yang disahkan oleh Tabung Amanah Pekerja (TAP)).
Boleh didapatkan melalui **e-amanah**.

Mendapatkan pengesahan/sokongan dari agensi Kerajaan/Badan Berkanun/Persatuan yang berkenaan (**jika berkenaan**)



PROSES LESEN PEKERJA ASING (LPA)

- 1 **•• Majikan menghadapkan Permohonan Lesen**
- 2 **•• Penelitian Permohonan oleh *Vetting Officer***
- 3 **•• Ketetapan Pegawai**
- 4 **•• Pengeluaran Keputusan (Lesen/Surat)**
- 5 **•• Pembayaran Wang Taruhan (Tunai/BG/JITPA)**
- 6 **•• Akusaksi Kontrek Pekerjaan di Jabatan Buruh**
(selepas ketibaan)
- 7 **•• Pemeriksaan (*3-6 bulan selepas diluluskan*)**



HURAIAN PROSES LPA

PER	HURAIAN PROSES MENDATANGKAN PEKERJA ASING DI JABATAN BURUH	TPOR
1	Majikan Menghadapkan Permohonan Ke Jabatan Buruh	
2	Pegawai Jabatan Buruh Memproses dan Meneliti Permohonan	
3	Menilai Dan Seterusnya Membuat Ketetapan Ke Atas Permohonan	7 HARI BEKERJA
4	Keputusan Dikeluarkan dan dimaklumkan/diserahkan kepada majikan	
5	Majikan Menyediakan Security Deposits ke Jabatan Buruh Mengikut Negara Pengambilan Menggunakan Tunai/Jaminan Bank/JITPA	1 HARI BEKERJA
6	Majikan Dan Pekerja Menandatangani Kontrek Pekerjaan Yang Di Akusaki Oleh Jabatan Buruh	1 HARI BEKERJA
7	Jabatan Buruh membuat Pemeriksaan Bagi Memastikan <i>Compliance</i> Dan Kesesuaian serta Penempatan Pekerja (3-6 bulan selepas diluluskan)	NIL
JUMLAH HARI KESELURUHAN PROSES DI JABATAN BURUH BAGI PENGAMBILAN PEKERJA ASING (LPA)		9 HARI BEKERJA



DOKUMEN-DOKUMEN YANG DIPERLUKAN BAGI PERMOHONAN **BARU** LESEN PEKERJA ASING (LPA)



DOKUMEN-DOKUMEN YANG DIPERLUKAN

1. Borang permohonan Lesen Pekerja Asing (2 salinan). Borang hendaklah di isikan dengan jelas serta menggunakan huruf besar dan adalah lebih baik ditaip;
2. Salinan kad pengenalan/ passport bagi semua pemohon/pemilik/rakan kongsi syarikat;
3. Salinan passport yang masih sah bagi pekerja-pekerja asing yang dipohonkan;
4. Salinan sijil pendaftaran Borang X / Bab 16 & 17 (*Company Registration*);



DOKUMEN-DOKUMEN YANG DIPERLUKAN

5. Pengesahan/*clearance* bagi ‘*Mandatory Registration*’ dari JobCentre Brunei;
6. Senarai pekerja tempatan yang telah disahkan oleh Tabung Amanah Pekerja (TAP);
7. Salinan-salinan surat kebenaran/sokongan daripada agensi-agensi kerajaan yang berkenaan (jika berkenaan);
8. Salinan Kad Wakil bagi wakil Agensi Pekerjaan yang menguruskan permohonan;



DOKUMEN-DOKUMEN YANG DIPERLUKAN

9. Salinan sijil sebanding jawatan bagi jawatan yang memerlukan kelulusan (bagi jawatan pemandu, salinan lesen memandu dan *blue card* kendaraan yang akan dipandu);
10. Salinan Perjanjian Penyewaan (*Tenancy Agreement*) bagi pejabat/tempat perniagaan/perusahaan;
11. Salinan Perjanjian Penyewaan (*Tenancy Agreement*) bagi tempat tinggal pekerja (bagi yang berkenaan); dan
12. Bagi kegiatan pembinaan, hendaklah menyertakan salinan projek yang sedang/akan dijalankan.



SYARAT-SYARAT: MAJIKAN/ SYARIKAT YANG MEMOHON

1. Majikan/Syarikat yang memohon hendaklah syarikat yang sah berdaftar di **ROCBN** dan **mempunyai kebenaran** kegiatan yang dipohonkan;
2. Hanya satu kegiatan/aktiviti perniagaan dibenarkan bagi setiap LPA yang dikeluarkan/dibenarkan;
3. Majikan hendaklah **berdaftar** di **JobCentre** dan **mengiklankan jawatan** sebelum membuat permohonan Lesen Pekerja Asing (LPA);
4. **Mendaftarkan** pekerja tempatan di **Tabung Amanah Pekerja (e-amana)**.

Nota :

Para 2 di atas merujuk kepada nombor rujukan **Class** bagi setiap jenis kegiatan aktiviti perniagaan di dalam **International Standard Industrial Classification of All Economic Activities (ISIC), Revision 4 United Nations.**



SYARAT-SYARAT: BAGI MAJIKAN/ SYARIKAT YANG MEMOHON

5. Permohonan Baru LPA hendaklah **melalui Agensi Pekerjaan yang berlesen** dan berdaftar di Jabatan Buruh;
6. Hendaklah menyediakan **wang taruhan secara Tunai atau Jaminan Bank atau Jaminan Insuran/Takaful Pekerja Asing (JITPA)** bagi setiap pekerja asing yang digaji sepanjang pekerja tersebut bekerja di Negara ini;
7. Hendaklah **menyediakan tempat tinggal** pekerja yang bersesuaian (*Tenancy Agreement* diperlukan).



SYARAT-SYARAT: BAGI MAJIKAN/ SYARIKAT YANG MEMOHON

8. Pemberian jumlah pekerja asing yang dapat diambil bekerja oleh majikan/syarikat salah satunya adalah tertakluk kepada Nisbah Tempatan Asing (NTA)
9. Hendaklah melindungi pekerja asing yang didatangkan dengan **Insuran Pampasan Pekerja (Workmen's Compensation Insurance)** dan **Insuran Perubatan (Medical Insurance)** dan diserahkan ke Jabatan ini semasa menandatangani kontrak; dan
10. Hendaklah *fit and proper employer* menurut penilaian Jabatan Buruh.

Nota: NTA atau Nisbah Tempatan Asing adalah mekanisma yang digunakan oleh Jabatan Buruh dalam memberikan kebenaran Lesen Pekerja Asing yang mana ianya adalah nisbah diantara pekerja tempatan dan asing di dalam syarikat mengikut industri yang ditetapkan oleh Jabatan Buruh dan dipersetujui oleh Agensi-Agenzi Kerajaan yang berkenaan.



SYARAT-SYARAT: PEKERJA ASING YANG DIPOHONKAN

1. Pekerja Asing **berumur minima 18 tahun dan maksima 55 tahun**;
2. Pekerja Asing dalam kategori **separa mahir, mahir dan Professional** hendaklah **mempunyai kelayakan dan kelulusan bersesuaian dengan jawatan** yang dipohonkan; dan
3. Pekerja Asing yang hendak diambil bekerja hendaklah menjalani pemeriksaan kesihatan di Pusat Kesihatan yang diiktiraf di Negara ini dan **hendaklah *fit for employment***.

VIDEO LESEN PEKERJA ASING (LPA)





MAKLUMAT LANJUT



WEBSITE

- www.labour.gov.bn



INSTAGRAM

- [@labour.brunei](https://www.instagram.com/labour.brunei)



FACEBOOK

- Jabatan Buruh, Negara Brunei Darussalam

TERIMA KASIH

Author: Zulhilmi Abidin